

Maut Nargis dipercayai 500,000

Jumlah penduduk Myanmar terbunuh akibat taufan atasi kematian tsunami 2004

YANGON: Angka kematian taufan Nargis di Myanmar berkemungkinan besar mencecah 500,000 orang - dua kali ganda melebihi kematian tsunami yang melanda Asia pada 2004 dan meragut kira-kira 243,000 nyawa.

Akhbar Britain, *The Sun*, memetik sumber sebagai mendakwa, sekurang-kurangnya 200,000 orang sudah mati atau berdepan saat kematian akibat bencana alam berkenaan, biarpun angka rasmi diberikan kerajaan junta mengesahkan kira-kira 23,000 orang maut manakala 42,000 hilang.

Namun, angka korban dijangka meningkat 500,000 orang akibat penyakit dan kebuluran jika junta tentera Myanmar terus berdegil menyekat kemasukan bantuan kemanusiaan

yang amat diperlukan kira-kira 1.5 juta mangsa yang hidup merempat di kawasan bencana sekitar delta Irrawaddy.

"Ia bermula sebagai bencana alam tetapi kematian selepas ini adalah disebabkan tindak tanduk pihak junta," kata Nyo Ohn Myint, anggota Parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) pimpinan Aung San Suu Kyi.

"Mayat perlu dikutip dan dibakar secepat mungkin bagi mengelak lebih banyak kematian. Malangnya, kerajaan setakat ini belum melancarkan sebarang usaha dan 400,000 tenteranya tidak berbuat apa-apa pun. Mereka berharap mayat itu dibawa arus ke laut dan tindakan itu boleh meragut setengah juta nyawa dalam masa beberapa hari saja."

Sementara itu, keadaan dijangka bertambah buruk selepas pihak berkuasa menolak kemasukan pekerja bantuan meskipun menerima bantuan asing kerana ia mahu mengagihkannya sendiri selepas penyelamat bencana Qatar yang tiba di Yangon menaiki pesawat bantuan diarahkan berpatah balik.

"Myanmar bukan dalam keadaan untuk menerima bantuan dan pasukan maklumat dari negara asing setakat ini," lapor akhbar milik kerajaan *Myanma Ahlin* dalam satu laporan mengenai operasi bantuan yang disifatkan perlahan terhadap penduduk yang terselamat dari taufan Nargis.


Kebanyakan penduduk yang terselamat daripada taufan Sabtu lalu terpaksa berdikari di kawasan delta berpaya berkenaan untuk meneruskan kehidupan.

"Mereka sudah pergi," kata U The-

FAKTA

Taufan Nargis di Myanmar

Myanmar menolak usaha antarabangsa termasuk membenarkan kemasukan pakar bantuan kemanusiaan ke negara itu



FAKTA NOMBOR

Kesan tsunami, taufan

230,000

Maut kerana tsunami

23,000

Mangsa taufan

42,000

Penduduk hilang taufan

in yang kehilangan anak lelaki berusia lapan tahun dan anak perempuan berusia tiga bulan dalam kejadian taufan itu dengan nada berbisik di kampungnya berhampiran bandar Labutta yang teruk dilanda bencana alam berkenaan.

Penduduk kampung berkata lebih 100 rakan dan saudara mereka terbunuh dalam kejadian berkenaan. Ombak laut dan angin selaju 190 kilometer sejam memusnahkan kam-

pung berkenaan termasuk merosakkan tanaman kelapa dan menerangkan bumbung bangunan termasuk sekolah rendah tempatan di situ.

Ada penduduk kampung yang cuba membina semula rumah mereka tanpa bantuan tentera atau agensi kerajaan untuk membantu mereka.

"Kami perlu mendapatkan tempat perlindungan," kata San Myint. Dia dan abangnya memulakan kerja membaiki rumah mereka sejak awal

pagi. "Nyamuk menggigit kami pada waktu malam. Tapi kami bertuah. Kami selamat," katanya.

Walaupun dalam keadaan sukar itu, junta Myanmar terus meminta rakyatnya menjalankan tanggungjawab negara dengan mengundi bagi perlembagaan yang dirangka tentera dalam satu mesej televisyen kepada penduduk seminggu selepas kejadian taufan berkenaan. - Reuters/AP/Agensi



TAGIH SIMPATI: Orang dewasa dan kanak-kanak merayu makanan daripada penumpang kereta yang lalu di Bogalay, barat daya Myanmar, semalam.



HARAP BANTUAN: Seorang wanita tua menunggu bantuan di perkampungan Kun Char Crone dekat Yangon, kelmarin.

AFP

AP